

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG  
(BUKIT MERTAJAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.04.2018**

**Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penjimatan daripada pemansuhan subsidi petrol sejak mula sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi subsidi di bawah Program Transformasi Fiskal sejak tahun 2013 bagi mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan. Langkah ini adalah bagi

meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta mengurangkan ketirisan perbelanjaan Kerajaan. Hal ini adalah penting bagi memastikan kemapanan fiskal jangka panjang dan mengekalkan daya tahan ekonomi negara seterusnya memperkukuh kemampuan Kerajaan untuk melaksanakan langkah kitaran balas (*countercyclical measures*) dalam menyokong ekonomi sekiranya menghadapi krisis.

Pada tahun 2015, Kerajaan telah memperoleh penjimatan sebanyak kira-kira RM16 bilion daripada rasionalisasi subsidi bahan api iaitu melalui pelaksanaan sistem pengapungan terkawal (*managed float*) harga runcit petrol dan diesel bermula Disember 2014. Jumlah subsidi bahan api bagi tempoh 2015 hingga 2017 adalah pada sekitar RM4 bilion setahun. Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding purata tahunan kira-kira RM22 bilion yang ditanggung bagi tempoh 2011 hingga 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebahagian daripada penjimatan daripada rasionalisasi subsidi bahan api dibelanjakan semula dengan lebih cekap dan disalurkan secara terus kepada kumpulan sasaran terutamanya golongan B40 dalam

bentuk bantuan tunai seperti BR1M, bantuan persekolahan, bantuan keluarga miskin, dan bantuan OKU. Selain itu, sebahagian lagi penjimatan digunakan untuk membiayai program dan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan. Ini termasuklah program dan projek untuk menambah baik perkhidmatan pendidikan, kesihatan, keselamatan dan pengangkutan awam.

Kerajaan kekal komited terhadap langkah konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi bagi memastikan kemapanan fiskal jangka panjang serta mengekalkan daya tahan ekonomi negara. Namun begitu, langkah tersebut dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil kira pelbagai aspek bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak terjejas. Oleh yang demikian, sebarang langkah yang diambil diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi kesejahteraan rakyat dengan keperluan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara.